



KEMENTERIAN AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI

TEKS UCAPAN PERASMIAN
YANG BERHORMAT DR. XAVIER JAYAKUMAR
MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI

MAJLIS PERASMIAN TAMAN WARISAN DAN
PELANCARAN SIJIL PENDAFTARAN ANAK POKOK TAMAN WARISAN FRIM

5 NOVEMBER 2019

YANG BERHORMAT TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI
Timbalan Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli

YANG BERBAHAGIA DATUK ZURINAH BINTI PAWANTEH
Ketua Setiausaha, Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli

YANG BERUSAHA DR MOHD MOKHTAR BIN TAHAR
Timbalan Ketua Setiausaha (Tanah dan Sumber Asli)

YANG BERBAHAGIA DATO' WAN MAZLAN WAN MAHMOOD
Setiausaha Bahagian Pengurusan Biodiversiti dan Perhutanan

YANG BERBAHAGIA DATUK DR ABD LATIF MOHMOD
Ketua Pengarah
Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM)

YANG BERBAHAGIA DATO' MOHD RIDZA BIN AWANG
Ketua Pengarah
Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia

YANG BERBAHAGIA DATO' ABDUL KADIR BIN ABU HASHIM
Ketua Pengarah
Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN),
Semenanjung Malaysia

YANG BERBAHAGIA DATO' AHMAD ZAHARIN BIN MOHD SAAD
Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan

Anggota Institut FRIM,
Ketua-ketua Agensi yang berkaitan;
Sahabat-sahabat komuniti serta warga FRIM yang dikasihi sekalian.

Selamat pagi dan Salam Sejahtera,

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak FRIM atas jemputan menyampaikan sepatah dua kata dalam majlis ini, seterusnya merasmikan Taman Warisan ini serta Pelancaran Sijil Pendaftaran Anak Pokok.

2. Saya telah difahamkan bahawa kawasan Taman Warisan seluas 1.76 hektar ini akan menjadi taman rekreasi alternatif yang menyumbang kepada potensi FRIM sebagai kawasan rekreasi sekaligus mempertingkatkan kualiti persekitaran dan imej FRIM.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

3. Malaysia amat bertuah kerana sumber hutan asli bernilai tinggi serta menyumbang secara signifikan kepada Pembangunan sosio-ekonomi negara. Hutan di Malaysia kaya dengan pelbagai spesies flora dan fauna. Untuk makluman Tuan-Tuan dan Puan-Puan, YAB Perdana Menteri Malaysia telah memberi komitmen di Sidang Kemuncak Rio 1992 untuk mengekalkan sekurang-kurangnya 50% keluasan tanah negara diliputi oleh kawasan berhutan dan litupan pokok. Sehubungan itu, Kementerian ini akan terus komited dan mengambil tindakan untuk memastikan komitmen tersebut sentiasa dicapai.

4. Sukacita dimaklumkan bahawa litupan kawasan berhutan bagi tahun 2017 di negara kita adalah 54.81% iaitu 18.12 juta hektar daripada jumlah keluasan tanah. Kawasan berhutan ini meliputi sejumlah 5.76 hektar di Semenanjung Malaysia, 4.55 juta hektar di Sabah dan 7.79 juta hektar di Sarawak. Oleh itu, kawasan hutan perlu dihayati dan dihargai oleh generasi pada masa kini serta diwariskan kepada generasi akan datang. Saya amat menghargai usaha FRIM untuk memulihara kawasan Taman Warisan berhampiran pintu masuk FRIM ini agar boleh dimanfaatkan untuk kepentingan alam sekitar dan masyarakat setempat.

5. Seperti yang dimaklumkan oleh YBhg. Datuk Dr Abd Latif sebentar tadi, usaha mendapatkan semula kawasan FRIM ini telah bermula sejak tahun 2004 lagi dengan kerjasama pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Majlis Perbandaran Selayang (MPS) serta IPD Gombak. Pembangunan kawasan ini telah dilaksanakan secara berperingkat mulai 2009 sehingga siap pada 2018. Semestinya perkara ini bukan sesuatu yang mudah untuk dilaksanakan. Oleh itu, tahniah saya ucapkan kepada YBhg. Datuk serta FRIM. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak DBKL, MPS dan IPD Gombak yang telah memberikan kerjasama kepada FRIM dalam usaha-usaha pembangunan taman ini pada peringkat awal.

6. Taman ini juga merupakan hutan komuniti bagi kepentingan alam sekitar dan manfaat masyarakat setempat. Kepelbagaiannya flora di taman ini turut diperkayakan dengan pokok-pokok yang namanya sinonim dengan nama tempat di negeri Selangor.

Taman Warisan FRIM ini juga akan menyumbang kepada potensi FRIM sebagai salah satu kawasan ekopelancongan di negeri Selangor.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

7. Sejak penubuhan FRIM pada tahun 1985, aktiviti-aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) FRIM telah menyokong usaha negara dalam memastikan keseimbangan antara pembangunan industri perhutanan dan pemuliharaan khazanah hutan negara. FRIM juga terlibat secara langsung dalam pengeluaran anak pokok bagi tujuan penyelidikan serta untuk memenuhi kehendak pelanggan bagi tujuan komersial. Saya teruja dengan usaha-usaha yang telah dijalankan oleh FRIM sebagai sebuah institusi di bawah Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli untuk mengemaskini maklumat pengeluaran aset hidup tumbuhan melalui sistem atas talian.

8. Mengetahui kepentingan ketepatan maklumat bahan tanaman untuk kegunaan Industri dan tujuan komersial, pihak FRIM telah berjaya menyediakan satu sistem yang lengkap dengan maklumat komprehensif melalui penyediaan sijil pendaftaran anak pokok atau surat beranak anak pokok untuk rujukan pelanggan.

9. Sistem yang akan dilancarkan pada hari ini juga membolehkan perolehan bahan tanaman yang sah terutamanya melibatkan spesies yang dilindungi undang-undang untuk tujuan perladangan. Sijil FRIM ini memberi pengesahan atau jaminan kepada umum bahawa anak-anak pokok yang diperolehi bukan hanya daripada sumber yang sah, tetapi juga berkualiti dan lestari.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

10. Pihak Kementerian juga akan memastikan penglibatan semua lapisan masyarakat dalam penjagaan hutan negara dan alam sekitar. Semoga lebih banyak program kesedaran dilaksanakan secara konsisten, sama ada oleh FRIM, jabatan-jabatan dan agensi-agensi lain atau pihak Kementerian kerana sokongan padu dan kerjasama berterusan daripada pelbagai lapisan masyarakat, sektor swasta serta badan bukan kerajaan (NGO) akan dapat menyumbang secara berkesan kepada usaha memulihara dan melindungi khazanah hutan serta menjaga alam sekitar negara.

11. Saya tidak berhasrat untuk mengambil masa yang lama pada pagi ini. Sekali lagi, saya ucapkan tahniah kepada warga FRIM yang terus berusaha dengan gigih dalam memulihara serta memelihara warisan kebangsaan kita ini. Semoga pembukaan Taman Warisan kepada masyarakat sekitar akan terus menyumbang kepada usaha FRIM sebagai pusat pembelajaran, ekopelancongan dan penyelidikan saintifik.

12. Dengan ini, saya dengan sukacitanya merasmikan Taman Warisan FRIM dan melancarkan Sijil Pendaftaran Anak Pokok.

Sekian, terima kasih.